**KENYATAAN MEDIA**
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA
9 APRIL 2017

---

**LARIAN AMAL IRM - UIAM TAJA PROJEK KEMANUSIAAN**

---

**Gombak, 9 April 2017** – Kira-kira 500 peserta menyahut cabaran Water Balloon Charity Run yang dianjurkan oleh Islamic Relief Malaysia (IRM) dengan kerjasama daripada pelajar-pelajar Mahallah Uthman dan Mahallah Asma, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin berkata, ia adalah usaha sekumpulan pelajar-pelajar UIAM yang prihatian terhadap nasib golongan yang memerlukan.

“Pelajar-pelajar ini mengambil inisiatif untuk mengadakan Water Balloon Charity Run dengan tujuan untuk mengumpul dana bagi Projek Penanaman Cendawan di Lombok, Indonesia.

“Di bawah projek ini, Kelompok Wanita Tani (KWT) yang terdiri daripada 20 wanita dari kalangan ibu tunggal dan asnaf akan dibantu oleh Islamic Relief Indonesia untuk meraih pendapatan menerusi penanaman cendawan,” kata Zairulshahfuddin ketika ditemui hari ini.

Dua kategori disediakan di dalam acara terbabit iaitu 5 kilometer dan 10 kilometer. Larian amal yang diadakan di dalam UIAM itu bukan sahaja menarik menarik minat warga UIAM malahan turut membabitkan penyertaan daripada orang awam.

Program tersebut mendapat tajaan daripada Yeo Hiap Seng (Yeo’s) dan Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd.

**Mengenai IR dan IRM**

Diasaskan di United Kingdom pada tahun 1984, Islamic Relief Worldwide (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan amal antarabangsa yang bebas dan bukan berpaksikan politik. IR diiktiraf sebagai sebuah badan bukan kerajaan dengan status perundingan khas sejak tahun 1993 oleh Majlis Ekonomi & Sosial PBB (UNECOSOC).

Selama bertahun-tahun, IR telah mengembangkan mandatnya untuk menyediakan bantuan kemanusiaan dalam pelbagai bidang termasuk bantuan kecemasan, pembangunan

mampan sosial bersepadu (termasuk perubatan, pembangunan komuniti, pendidikan, kehidupan, tempat tinggal, psikososial) dan pengurangan risiko bencana.

IR memberi bantuan dalam fasa kecemasan yang melibatkan bencana alam atau bencana buatan manusia melalui kerjasama dengan masyarakat setempat, sukarelawan, rakan kerjasama dan para penderma. IR membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama, jantina mahupun kefahaman politik.

Sehingga kini, IR telah berkhidmat di lebih 45 buah negara. Sejak 1984, IR telah mempunyai rangkaian tetap di lebih 35 buah Negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia yang bertanggungjawab untuk menyelaras, menjana dana dan melaksanakan program-program IR.

YBhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan penubuhan IRM pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana (bagi projek antarabangsa & tempatan) dan pelaksana projek tempatan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu www.islamic-relief.org.my atau hubungi pihak IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**
**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**
**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**
**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**
**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**
atau melalui :
**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**
**MOBILE APPS | IR Malaysia**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin
Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**
**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W**
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sis Zafirah
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my